

12 MAY 2001

LARIAN OBOR SUKAN SEA TIBA DI IPOH

IPOH, 12 Mei (Bernama) -- Kira-kira 2,000 orang terlibat dengan larian obor Sukan SEA ke-21 yang tiba ke Ipoh hari ini dari Parit.

Obor itu dibawa masuk ke bandar Ipoh kira-kira pukul 5.30 petang ini selepas larian sejauh 30 km dari Sekolah Datuk Abdul Rahman, Parit.

Larian itu yang masuk hari ke enam di Perak hari ini dibawa oleh 450 orang pelari terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, belia, pelajar dan orang ramai.

Obor tersebut diletakkan di Komplek Belia dan Sukan Ipoh untuk tontotan orang ramai.

Obor akan berada di Ipoh selama empat hari sempena Sambutan Hari Belia Negara dan akan dibawa ke Stadium Perak pada malam Selasa iaitu kemuncak sambutan Hari Belia Negara yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bermula esok, obor akan dibawa mengeliling bandaraya Ipoh selama tiga hari meliputi kompleks perniagaan dan hotel-hotel, sekolah dan institusi pendidikan serta taman permainan dan kemudahan awam, sebelum dibawa ke Stadium Perak.

Obor itu dijangka menjelajah negeri Perak selama 18 hari, sejauh kira-kira 860 Km.

Selepas berada di Bandaraya Ipoh obor tersebut akan memulakan larian ke Kampung Gajah.

--BERNAMA
PBA KAY ZB